



## SIARAN MEDIA

### ANGKASA KOMITED SOKONG AGENDA PENGHIJAUAN MALAYSIA UNTUK TANAM SEJUTA POKOK

---

**HULU LANGAT, 20 MAC 2022** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bersama-sama koperasi komited untuk menjayakan agenda Penghijauan Malaysia bagi menanam sejuta pokok menerusi Program Koperasi Prihatin Sejuta Pokok yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua (2) tahun bermula dari tahun 2022 sehingga 2023 dengan kerjasama rakan strategik, Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Yayasan Hijau Malaysia.

Menurut Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, ANGKASA menggerakkan inisiatif penanaman sejuta pokok bagi menterjemah prinsip koperasi yang ketujuh "mengambil berat terhadap masyarakat" menerusi program "*flagship*" tanggungjawab sosial koperasi (CSR) COOPCARE ANGKASA untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memulihara dan memelihara alam sekitar serta menyemarakkan semangat cintakan alam demi pembangunan yang seimbang.

"Melalui program ini, ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan mahu penglibatan jitu dan usaha kolektif 14,657 buah koperasi dengan keanggotaan 7.1 juta orang melaksanakan usaha penanaman pokok secara berterusan seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) 2030 yang melengkap keperluan sosial manusia, ekonomi, pendidikan, kestabilan politik dan juga keprihatinan terhadap alam sekitar," kata Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah.

Majlis Pra Pelancaran Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok disempurnakan perasmiannya oleh YBhg. Puan Sri Prof. Datuk Dr. Aishah Binti Salleh, Penasihat PUSPANITA Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, yang juga isteri kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi di Hutan Simpan Sungai Lalang, Hulu Langat, Selangor. YBhg. Puan Sri Prof. Datuk Dr. Aishah Binti Salleh merupakan Penaung kepada program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.

Beliau menerusi ucapannya memuji kesungguhan ANGKASA dan gerakan koperasi dalam usaha pemulihan hutan terosot dan penggalakan penanaman semula pokok yang memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada kehidupan manusia malah menjadi habitat dan tempat perlindungan flora dan serta sumber makanan dan peluang untuk menjana ekonomi kepada penduduk setempat.

"Pokok dan ekosistem hutan memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesan perubahan iklim. Bencana alam seperti banjir melanda dengan skala kemusnahan yang berbeza kerana lebih kerap berlaku dan membabitkan kawasan yang luas. Perubahan iklim yang semakin memberi kesan buruk mengakibatkan kerugian harta benda dan kehilangan nyawa. Usaha penanaman semula pokok, pengekalan hutan dan penghutanan semula (*reforestation*) merupakan salah satu langkah untuk menangani kesan perubahan iklim dan secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko bencana alam."

“Usaha pada hari ini juga bertepatan dengan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang diraikan di seluruh dunia pada tanggal 21 Mac secara tahunan. Saya amat yakin dan percaya, usaha ANGKASA akan memberi inspirasi kepada 7.1 juta anggota koperasi di seluruh negara memulakan langkah pertama untuk menyokong dan mengambil bahagian dalam program ini dengan menanam sebatang pokok mulai hari ini,” kata YBhg. Puan Sri Prof. Datuk Dr. Aishah Binti Salleh.

Majlis pada hari ini menyaksikan YBhg. Puan Sri Prof. Datuk Dr. Aishah Binti Salleh menanam Pokok Merbau, pokok kebangsaan Malaysia yang merupakan pokok ke-100 sebagai simbolik kepada sambutan 100 tahun gerakan koperasi meningkatkan sosioekonomi masyarakat dan membangun keluarga Malaysia. Sebagai permulaan program, ANGKASA menjadikan tapak Hutan Simpan Sungai Lalang yang terosot berkeluasan setengah hektar dengan menanam 312 batang pokok hutan yang menempatkan sembilan (9) spesis pokok hutan seperti pokok merbau, meranti batu, giam lintah bukit, keruing bulu, merawan siput jantan, nyatoh taban merah, penaga lilin, pelong beludu dan perah.

ANGKASA bekerjasama rapat dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mengenalpasti kawasan hutan simpan seluas 20 ekar yang akan dijadikan sebagai "Hutan Angkat Koperasi" untuk dipulihara secara bersama-sama dengan sokongan dan tajaan koperasi serta mana-mana organisasi yang berhasrat untuk menjadi sebahagian daripada program ini. Program kolaboratif ini juga dilaksanakan dengan sokongan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Majlis Belia Malaysia.

Majlis pada pagi ini juga turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Logo Kempen Koperasi Prihatin Sejuta Pokok, Encik Hazman Bin Md Jali yang membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM1,500, pakej penginapan 3 hari 2 malam di MyANGKASA Akademi & Resort Langkawi berserta sijil penyertaan.

Maklumat lanjut berkenaan program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok ini boleh didapati di laman sesawang rasmi [www.sejutapokok.coop](http://www.sejutapokok.coop)

**PENGURUS BESAR BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
MERANGKAP PEGAWAI KHAS PRESIDEN ANGKASA  
20 MAC 2022**

## MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan Jun 2021, ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan menaungi 14,657 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 7.04 juta orang, jumlah modal syer/ yuran sebanyak RM16.3 bilion dan jumlah aset RM152.1 bilion. Perolehan gerakan koperasi mencatat sebanyak RM41.5 bilion sehingga 31 Disember 2020. (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 50 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrumen pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop) dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

**Halim Haji Ibrahim**  
**Pengurus Besar**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA**  
Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481  
Faks : +603 – 7884 6489  
E-mel : [korporat.angkasa@gmail.com](mailto:korporat.angkasa@gmail.com)  
[www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop)

KOPERASI MENYOKONG AGENDA

